



Ruj. Kami: JPK/701/23 ( 44 )

Tarikh : 21 Jun 2017

**PENGURUS  
COLLEGE SUNRISE  
LOT 13A, BLOK C  
LOK KAWI POINT, LOK KAWI  
89600 PAPAR  
SABAH**

Tuan,


**KELULUSAN KEBENARAN BAGI PENGAMBILAN PELATIH ANTARABANGSA  
UNTUK MENGIKUTI PROGRAM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, permohonan pihak tuan untuk mendapatkan kebenaran bagi pengambilan pelatih antarabangsa telah diluluskan bagi program yang tersebut di bawah. Maklumat kelulusan adalah seperti berikut :

- (a) Nama Pusat Bertauliah : **COLLEGE SUNRISE**
- (b) Kod Pusat Bertauliah : **L02068**
- (c) Alamat Rasmi Pusat Bertauliah : **LOT 13A, BLOK C**  
(sebagai premis utama : **LOK KAWI POINT, LOK KAWI**  
latihan/penilaian) : **89600 PAPAR**  
**SABAH**
- (d) Nama Syarikat Pemilik : **SUNRISE TRAINING & RETRAINING CENTRE**  
(SABAH ) SDN BHD  
**1005583-T**
- (e) Tarikh Kelulusan : **20 JUN 2017**
- (f) Program Yang Ditauliah :

Bil	Kod Program	Nama Program	Tempoh Pentauliahan
1	FB-024-2:2012	Pengurusan Pejabat	29 Mei 2016 - 28 Mei 2019
2	FB-024-3:2012	Penyeliaan Pengurusan Pejabat	29 Mei 2016 - 28 Mei 2019



3. Pihak PB hendaklah memastikan bilangan pengambilan pelatih antarabangsa ini mematuhi kapasiti yang diluluskan bagi program tersebut (Sila rujuk Surat Kelulusan Pentauliah Pusat Bertauliah Dan Program Di Bawah Persijilan Kemahiran Malaysia, JPK). PB diingatkan bahawa kapasiti pelatih yang diluluskan bagi program tersebut adalah jumlah pelatih tempatan dan antarabangsa.


4. Dengan kelulusan ini, pihak tuan telah bersetuju untuk mematuhi Seksyen 23, 24, 26, 27 dan 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) serta apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran. Jabatan ini boleh membuat pemeriksaan ke atas pusat bertauliah pada bila-bila masa seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 38 dan 39 Akta 652. Penggantungan atau pembatalan sijil pentauliah seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 29 Akta yang sama boleh dikenakan sekiranya pihak tuan gagal mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

5. Jabatan berharap pihak tuan dapat menjalankan semua tanggungjawab sebagai Pusat Bertauliah bagi program-program yang melibatkan pengambilan pelatih antarabangsa dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi'**

Saya yang menurut perintah,



**(NIDZAM BIN KAMARULZAMAN)**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia



**Ruj. Kami** : KDN.IM.S.600-3/16/951 (3)  
**Tarikh** : 1 November 2017

Ketua Eksekutif  
College Sunrise  
Lot 13A, Blok C, Lok Kawi Point  
Lok Kawi,  
89600 Papar  
**SABAH**

Tuan,

**KELULUSAN PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Pendidikan Malaysia rujukan IPK/702/1/33/1 (67) bertarikh 02 Oktober 2017 adalah berkaitan.


2. Untuk makluman tuan, Kementerian telah **meluluskan** permohonan **College Sunrise** bagi memperbaharui kelulusan mengambil pelajar antarabangsa.
3. Kelulusan ini adalah sah berlaku untuk tempoh satu (1) tahun berkuat kuasa dari tarikh surat kelulusan ini. Kementerian berhak menarik balik kelulusan ini pada bila-bila masa sekiranya didapati melanggar mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya jua. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**SITI JALILAH BINTI ABD MANAP**  
Timbalan Setiausaha Bahagian  
Bahagian Hal Ehwal Imigresen  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri



s.k:

Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia  
Aras 7-8, Blok D4, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62530 PUTRAJAYA**  
**(u.p: Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran)**

Pengarah  
Bahagian Visa, Pas dan Permit  
Jabatan Imigresen Malaysia  
Tingkat 3 (PODIUM), Blok 2G4 Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62550 PUTRAJAYA**

Ketua Penolong Pengarah  
Cawangan Khas (Bahagian E6)  
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia  
50560 Bukit Aman  
**KUALA LUMPUR**

Pengarah Jabatan Imigresen Sabah  
Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah,  
Aras 1 - 4, Blok B  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Jalan UMS 88300  
**KOTA KINABALU, SABAH**

